

08 SEP 1997

Megat-Syarikat

TINDAKAN TERHADAP SYARIKAT YANG DITUBUHKAN UNTUK TUJUAN DINIAGAKAN

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Tindakan akan dikenakan ke atas mereka yang menubuhkan syarikat dengan modal berbayar RM2 dengan ujuan untuk diniagakan semula, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob hari ini.

Katanya pindaan akan dibuat kepada Akta Syarikat 1956 untuk membolehkan tindakan itu diambil.

Beliau berkata langkah itu dibuat berikutan hasil pemeriksaan Pendaftar Syarikat (ROC) atas arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini mendapati ada kira-kira 100,000 syarikat terbabit yang tidak berfungsi dan juga tidak mempunyai lembaga pengarah.

"Syarikat berkenaan didapati didaftarkan dengan nama-nama yang berkaitan dengan projek mega kerajaan seperti Koridor Raya Multimedia (MSC), Putrajaya dan Siberjaya untuk diniagakan semula," katanya kepada pemberita selepas menghadiri perhimpunan bulanan kementeriannya di sini hari ini.

Keadaan itu menyebabkan masalah kepada mereka termasuk daripada luar negara yang terbabit dengan projek terbabit yang ingin mendaftarkan syarikat dengan menggunakan nama-nama berkaitan, katanya.

Megat Junid berkata kabinet pada minggu lepas telah mengarahkan ROC mengenalpasti jenis tindakan yang wajar terhadap mereka yang tidak bertanggungjawab itu.

Antara cadangan tindakan yang akan diambil ialah mengenakan denda atau levi tertentu iaitu mana-mana syarikat yang didapati tidak berfungsi selama setahun boleh dikenakan denda RM10,000 dan tidak berfungsi selama empat tahun pula boleh didenda RM20,000.

Katanya cadangan tindakan itu kini sedang diteliti oleh ROC dan Jabatan Peguam Negara kini dan beliau menambah pindaan kepada akta itu dijangka akan dibentangkan pada sesi Parlimen Oktober ini.

Syarikat RM2 itu turut diiklankan di akhbar-akhbar tempatan dengan nama "Syarikat Segera" untuk dijual kepada mereka yang berminat dengan harga sehingga RM100,000 bergantung kepada besarnya jumlah modal berbayar sesebuah syarikat itu, katanya. --BERNAMA

RHM WAT